

50 pelajar Program Permata Insan mendaftar

SEREMBAN 17 Jan. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melakar sejarah tersendiri apabila menerima 50 pelajar berusia 13 tahun mengikuti pengajian peringkat menengah Asas Satu (Tingkatan Satu) dengan Kolej Permata Insan di sini hari ini.

Kumpulan perintis yang mendaftar itu terdiri daripada 30 pelajar lelaki dan 20 pelajar perempuan yang terpilih dari seluruh negara berdasarkan kriteria ditetapkan.

Sebahagian besar pelajar ini pernah mengikuti Program Permata Insan yang dilancarkan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor selaku Penaung Program Permata di USIM pada 12 Mac 2010.

Pengarah Pusat Permata Insan, Prof. Datuk Dr. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim berkata, matlamat Permata Insan adalah untuk menjana cendekiawan Islam terulung dalam kalangan anak-anak Islam yang boleh dibanggakan.

“Usaha ini dibangunkan menerusi perbincangan bersama pakar rujuk selain seminar dan bengkel serta lawatan kerja ke luar negara untuk mendalami modul-modul dan sehingga kini Pusat Permata Insan berdiri dengan modulnya sendiri,” ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada satu sidang akhbar selepas pendaftaran pelajar berkenaan, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor USIM Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah.